



**PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT PELAKSANAAN PENILAIAN KENDIRI OLEH  
PUSAT BERTAULIAH (PB)**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,  
MALAYSIA.**

**01 Disember 2012**

**PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT PELAKSANAAN PENILAIAN KENDIRI OLEH  
PUSAT BERTAULIAH (PB)**

**ISI KANDUNGAN**

1.0 PENDAHULUAN.....	3
2.0 LATAR BELAKANG.....	3
3.0 OBJEKTIF.....	4
4.0 TAFSIRAN .....	4
5.0 PROSES PERMOHONAN .....	6
6.0 KRITERIA PUSAT BERTAULIAH.....	7
7.0 PELAKSANAAN PENGESAHAN PENILAIAN.....	7
8.0 PERSIJILAN .....	8
9.0 TEMPOH PELAKSANAAN PENILAIAN KENDIRI .....	8
10.0 JAMINAN KUALITI .....	9
11.0 TARIKH KUATKUASA .....	9

## 1.0 PENDAHULUAN

Panduan Dan Syarat-Syarat Pelaksanaan Penilaian Kendiri oleh Pusat Bertauliahan (PB) di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) bertujuan menetapkan keperluan pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia melalui pusat bertauliahan (PB). Panduan ini ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK) di bawah Seksyen 28 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan hendaklah mematuhi panduan dan peraturan yang sedang berkuatkuasa seperti berikut:-

- i. Panduan Pelaksanaan Dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliahan Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan;
- ii. Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian;
- iii. Panduan Permohonan Dan Syarat-Syarat Personel Pusat Bertauliahan, Pusat Latihan Dan Syarikat SLDN; dan
- iv. Panduan Pendaftaran Pelatih Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Sistem Pentauliahan.

## 2.0 LATAR BELAKANG

Penilaian calon dalam Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia merupakan salah satu aspek penting dalam jaminan kualiti. Ia adalah satu proses menilai tahap kemahiran dan pengetahuan serta sikap kerja seseorang calon yang mengikuti program pentauliahan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Ia juga adalah satu kaedah pengukuran yang menunjukkan pencapaian kepada hasil pembelajaran. Keputusan penilaian akan menjadi asas penganugerahan kelayakan bagi calon yang telah mencapai tahap keterampilan memenuhi keperluan NOSS. Kaedah penilaian yang digunakan mestilah jelas, konsisten,

berkesan, adil, sahih dan boleh dipercayai serta selari dengan amalan semasa dan mestilah menyokong kepada pencapaian hasil pembelajaran.

Proses pengajaran dan pembelajaran di PB adalah merangkumi aktiviti penilaian yang melibatkan penilaian berterusan dan peperiksaan akhir. Pelaksanaan penilaian adalah berdasarkan mekanisme penilaian yang telah ditetapkan oleh JPK. Pegawai Pengesah Luaran (PPL) yang dilantik akan mengesahkan keputusan penilaian terhadap calon bagi keterampilan memenuhi keterampilan NOSS. PPL dipertanggungjawabkan melaksanakan lawatan, menyemak, mengesah dan menyediakan laporan berkenaan aktiviti-aktiviti verifikasi penilaian pelatih.

### **3.0    OBJEKTIF**

Memberi panduan kepada PB di bawah sistem pentauliahan untuk melaksanakan penilaian kendiri dan pengurusan penugasan PPL supaya lebih tersusun, teratur dan efisyen serta dapat dilaksanakan mengikut kesesuaian PB.

### **4.0    TAFSIRAN**

Dalam Panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

**“Calon”** ertinya seseorang yang mendaftar untuk mendapatkan kelayakan kemahiran melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;

**“Kelayakan”** ertinya apa-apa pengalaman kerja dalam bidang kemahiran tertentu atau apa-apa sijil, diploma, ijazah yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Jabatan;

**“Latihan Industri (LI)”** ertinya satu tempoh yang khusus untuk calon menimba pengalaman secara terancang dan diseliai, di mana pelatih akan melaksanakan

kerja-kerja sebenar disamping membiasakan diri dengan keperluan serta amalan tempat kerja menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari semasa mengikuti latihan di Pusat Bertauliah;

**“National Occupational Skills Standard (NOSS)”** ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut;

**“Pegawai Pengesah Luaran (PPL)”** ertinya pakar atau personel yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan, ditauliah dan dilantik oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan penentusahan luaran di PB;

**“Pelaksanaan penilaian kendiri”** ertinya PB dipertanggungjawab oleh JPK untuk melantik PPL bagi melaksanakan proses pengesahan penilaian dalam menentusahkan tahap kemahiran calon memenuhi keperluan NOSS untuk dianugerahkan Sijil;

**“Penarafan”** ertinya satu pemeriksaan Pusat Bertauliah di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) bagi menilai dan mengukur prestasi kecemerlangan Pusat Bertauliah yang telah mengikuti peraturan dan prosedur yang ditetapkan serta sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan;

**“Peperiksaan Akhir”** ertinya peperiksaan yang diadakan di akhir sesuatu program yang merangkumi kedua-dua bahagian teori dan praktikal;

**“Pentadbiran Induk”** ertinya sesebuah organisasi yang dikenali sebagai ibu pejabat bagi tujuan mengawal selia cawangan-cawangannya yang ditauliahkan oleh JPK;

**“Projek Akhir”** ertinya suatu projek yang ditetapkan melalui perundingan antara calon dan Pegawai Penilai untuk menghasilkan sesuatu projek yang melibatkan

penggunaan sebahagian besar pengetahuan dan kemahiran yang telah dimiliki oleh calon untuk mereka, membina atau menambah nilai sesuatu perkara yang berkaitan dengan NOSS;

**“Pusat Bertaualiah (PB)”** ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertaualiah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil;

**“Senat”** ertinya satu jawatankuasa yang diwujudkan di peringkat pengurusan induk bagi mengawal dan bertanggungjawab ke atas jaminan kualiti dan keputusan penilaian peperiksaan bagi penganugerahan Sijil;

**“Sijil”** ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah dengan kelayakan kemahiran yang berikut:

- (a) Sijil Kemahiran Malaysia (SKM);
- (b) Diploma Kemahiran Malaysia (DKM);
- (c) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM); atau
- (d) Penyata Pencapaian.

## 5.0 PROSES PERMOHONAN

Bagi tujuan permohonan pelaksanaan penilaian kendiri, PB hendaklah:

- 5.1 Mengemukakan permohonan kepada KPPK perkara-perkara berikut:
  - 5.1.1 Surat permohonan pelaksanaan penilaian kendiri; dan
  - 5.1.2 Kertas cadangan pelaksanaan penilaian kendiri, (termasuk: jadual pelaksanaan penilaian, PPL yang dilantik, dan lain-lain)
- 5.2 PB hendaklah membentangkan kertas cadangan tersebut kepada JPK selepas mendapat persetujuan permohonan pelaksanaan penilaian kendiri; dan
- 5.3 KPPK boleh, pada bila-bila masa, selepas menerima permohonan

pelaksanaan penilaian kendiri, melalui notis bertulis mengkehendaki PB untuk memberikan dokumen atau maklumat tambahan yang diperlukan dalam tempoh seperti yang ditentukan oleh KPPK. Jika dokumen atau maklumat tambahan tidak dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan ini dianggap terbatal.

## **6.0 KRITERIA PUSAT BERTAULIAH**

Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) program yang telah ditauliahkan dan hendaklah:

- 6.1 Mendapat tahap penarafan Cemerlang (5 bintang) bagi penarafan Pusat Bertauliah JPK;
- 6.2 Mempunyai Pentadbiran Induk bagi menyelaraskan pelaksanaan SPKM;
- 6.3 Mendapat pentauliahan penuh tidak kurang daripada 3 tahun;
- 6.4 Mempunyai pengambilan pelatih setiap tahun;
- 6.5 Telah mempunyai graduan SKM;
- 6.6 Mempunyai sistem jaminan kualiti bagi pelaksanaan penilaian; dan
- 6.7 Mempunyai PPL yang diperakukan oleh JPK dan bukan terdiri daripada kakitangan PB berkenaan.

## **7.0 PELAKSANAAN PENGESAHAN PENILAIAN**

- 7.1 Pelaksanaan pengesahan penilaian hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut :
  - 7.1.1 Semua komponen penilaian pelatih akan dinilai oleh personel pentauliahan (PP & PPD);
  - 7.1.2 PPL yang dilantik oleh Pentadbiran Induk akan melaksanakan verifikasi dan mengesahkan penilaian bagi komponen kerja kursus, penilaian akhir, latihan industri dan projek tahun akhir; dan

7.1.3 Keputusan yang telah disahkan oleh PPL hendaklah diperakukan oleh Jawatankuasa Senat untuk dipersijilkan.

## 7.2 Personel Pentaulahan

7.2.1 Perkara-perkara umum:

- i. PB perlu melantik dan mengurus personel pentaulahan dalaman (PP & PPD) dan luaran (PPL) bagi mengawal selia penilaian yang dilaksanakan;
- ii. Memastikan personel pentaulahan sebagai PP, PPD dan PPL memenuhi kriteria dan mendapat Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentaulahan; dan
- iii. PPL yang dilantik **TIDAK** terdiri daripada kakitangan PB berkenaan.

## 8.0 PERSIJILAN

8.1 Pelatih yang lulus semua komponen penilaian yang ditetapkan oleh JPK layak dianugerahkan sijil seperti berikut :

- (a) Penyata Pencapaian (PC);
- (b) Sijil Kemahiran Malaysia (SKM);
- (c) Diploma Kemahiran Malaysia (DKM); atau
- (d) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM).

## 9.0 TEMPOH PELAKSANAAN PENILAIAN KENDIRI

9.1 Tempoh pelaksanaan adalah 5 tahun dari surat kelulusan yang dikeluarkan atau tertakluk kepada kelulusan KPPK.

- 9.2 KPPK bolehlah, pada bila-bila masa, menggantung atau membatalkan petaulahan yang diberikan kepada mana-mana PB berdasarkan Seksyen 29, Akta 652.

#### **10.1 JAMINAN KUALITI**

- 10.1 Pentadbiran Induk perlu mewujudkan jawatankuasa khas (senat) yang memperakukan keputusan penilaian calon yang telah disahkan oleh PPL. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh wakil Pentadbiran Induk dan keahliannya terdiri daripada Pengurus Pusat Bertauliah (PPB), wakil PB dan sekurang-kurangnya seorang wakil JPK.
- 10.2 JPK berhak mengadakan lawatan pemantauan atau audit secara berkala atau bila-bila masa ke atas PB bagi menjamin kualiti pelaksanaan latihan dan penilaian selaras dengan keperluan di bawah Seksyen 38, Akta 652.

#### **11.0 TARIKH KUATKUASA**

Panduan Dan Syarat-Syarat Pelaksanaan Penilaian Kendiri Oleh Pusat Bertauliah ini mula berkuatkuasa pada 01 Disember 2012

**Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran  
Jabatan Pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia  
Disember 2012**